



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN AWAL

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2025

PRELIMINARY REPORT OF THE

LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2025



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2025
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENDUDUK DALAM KUMPULAN UMUR BEKERJA MENINGKAT PADA TAHUN 2025

1. Laporan Awal Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2025 menunjukkan bahawa jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja (18 tahun dan ke atas) meningkat sebanyak 0.8 peratus, daripada 346,000 orang pada tahun 2024 kepada 348,700 orang pada tahun 2025. Daripada jumlah ini, 66.5 peratus (232,000 orang) menyertai tenaga kerja, manakala 33.5 peratus (116,700 orang) berada di luar tenaga kerja.
2. Penduduk bekerja pada tahun 2025 adalah 220,400 orang, menurun sebanyak 0.9 peratus berbanding 222,300 orang pada tahun 2024. Pekerja tempatan terus menjadi penyumbang utama dengan 70.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Manakala, kadar pengangguran meningkat daripada 4.7 peratus pada tahun 2024 kepada 5.0 peratus pada tahun 2025.
3. Penduduk di luar tenaga kerja meningkat kepada 116,700 orang berbanding 112,800 orang pada tahun 2024. Kumpulan ini termasuk individu berumur 60 tahun dan ke atas, termasuk penerima Pencen Umur Tua yang turut menunjukkan tren peningkatan. Dari segi pecahan jantina, majoriti penduduk di luar tenaga kerja adalah perempuan sebanyak 59.1 peratus (69,000) berbanding lelaki 40.9 peratus (47,700 orang).

4. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) merakamkan penghargaan kepada semua isi rumah yang telah terpilih atas kerjasama mereka sepanjang tempoh kajian. Penyertaan mereka telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pandangan berharga mengenai profil tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam.

5. Laporan Awal KTK 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
PRELIMINARY REPORT OF THE LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2025
BRUNEI DARUSSALAM

WORKING AGE POPULATION INCREASES IN 2025

1. *The Preliminary Report of the Labour Force Survey (LFS) 2025 shows that the total population of working age (18 years and over) increased by 0.8 per cent, from 346,000 persons in 2024 to 348,700 persons in 2025. Of these, 66.5 per cent (232,000 persons) participated in the labour force, while 33.5 per cent (116,700 persons) were outside the labour force.*
2. *The employed population in 2025 was 220,400 persons, a decrease of 0.9 per cent compared with 222,300 persons in 2024. Local workers remained the main contributors, accounting for 70.9 per cent of the employed population. Meanwhile, the unemployment rate increased slightly from 4.7 per cent in 2024 to 5.0 per cent in 2025.*
3. *The number of persons outside the labour force rose to 116,700 persons, compared with 112,800 persons in 2024. This group includes individuals aged 60 and over, including recipients of the Old Age Pension, who also show an increasing trend. In terms of sex breakdown, majority of those outside the labour force are females at 59.1 per cent (69,000 persons), compared with males at 40.9 per cent (47,700 persons).*
4. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) extends its appreciation to all the selected households for their cooperation during the survey period. Their participation has been instrumental in providing these valuable insights into Brunei Darussalam labour market profile.*
5. *The Preliminary Report of the Labour Force Survey (LFS) 2025 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*